

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**  
**TARIKH : 21.05.2015 (KHAMIS)**

**DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [ PENGKALAN CHEPA ]** minta  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN**  
**KEPENGUNAAN** menyatakan:-

- (a)berapakah jumlah premis perniagaan di seluruh negara; dan
- (b)berapa peratuskah daripada jumlah premis tersebut yang telah diperiksa dalam operasi Ops Catut dalam tempoh ia dilancarkan sehingga kini.

**JAWAPAN (a):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa menggiatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ke atas lebih kurang **6 juta** perniagaan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** di seluruh negara. Bagi tujuan ini, Kementerian telah menggerakkan kesemua pegawai penguatkuasa seramai 2,124 orang dan ditempatkan di 73 pejabat Kementerian di seluruh negara bagi memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan pencatutan secara menyeluruh sepanjang menghadapi pelaksanaan GST dalam negara pada tahun 2015.

**JAWAPAN (b):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

OPS CATUT merupakan satu tindakan penguatkuasaan secara terancang dan berfokus melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani tindakan oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan caj perkhidmatan tanpa sebab yang munasabah dengan menggunakan alasan GST.

Pelaksanaan **OPS CATUT Fasa 1** telah memeriksa sebanyak **597,833 premis perniagaan** di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **2,871 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM492,137** dan nilai kompaun sebanyak **RM335,166**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **286 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Sehingga **14 Mei 2015**, **OPS CATUT Fasa 2** telah memeriksa sebanyak **283,245 premis perniagaan** di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **815 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM134,830** dan nilai kompaun sebanyak **RM122,250**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **819 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dalam operasi bersepadu menerusi **OPS PEMATUHAN GST-CATUT** bermula **1 hingga 15 April 2015**.

**Pengeluaran Notis** dibuat di bawah seksyen 21 AKHAP 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini.